


HRSMS APLIKASI URUS PENDUDUK KEDIAMAN BERTINGKAT TINGGI

Kediaman bertingkat tinggi ialah kediaman yang berbeza dan bersifat unik jika dibandingkan dengan harta tanah seperti banglo atau rumah teres. Contoh kediaman jenis ini adalah seperti rumah pangsas, pangsapuri, serta kondominium. Kediaman dikatakan unik kerana setelah kediaman itu diduduki, segala kemudahan yang disediakan oleh pihak pemaju perlu diurus secara bersama oleh penduduk di kawasan kediaman tersebut.

Pembangunan berterusan terhadap bangunan kediaman bertingkat tinggi ini memberikan gambaran bahawa terdapat keperluan dalam pemilikan serta sistem pengurusan harta tanah yang efektif bagi memupuk pengalaman hidup yang berkualiti dalam kalangan penduduk kediaman jenis ini di Malaysia.

Melihat akan senario ini, seorang pensyarah kanan dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam, Ts. Mudiana Mokhsin bersama-sama pelajar sarjana seliaannya mengambil inisiatif untuk membangunkan aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai High-Rise Residential Management System (HRSMS) menyokong memperkemas maklumat dengan ciri-ciri bantuan bagi meningkatkan kualiti komunikasi dan perkongsian maklumat untuk mengurus kediaman bertingkat tinggi di negara ini.

Sehubungan dengan itu, matlamat ini dicapai dengan menjawab dua objektif penyelidikan, iaitu mengenal



HRSMS, aplikasi urus penduduk kediaman bertingkat tinggi.

pasti keperluan pengguna di kediaman bertingkat tinggi, seterusnya mereka bentuk prototaip aplikasi mudah alih yang boleh diguna pakai oleh penduduk kediaman jenis ini. Kajian ini dijalankan dengan sebuah syarikat pengurusan harta tanah yang bertanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan hal yang berkaitan dengan harta tanah kediaman bertingkat tinggi.

Suatu rangka konseptual telah dicadangkan hasil daripada penyelidikan yang diadaptasikan berdasarkan dimensi penunjuk lestari serta ciri-ciri yang digunakan daripada aplikasi mudah alih sedia ada. Rangka konseptual ini dihasilkan berdasarkan kajian literatur serta proses pemerhatian yang dilaksanakan di tapak kediaman yang terpilih.

Sebagai permulaan dan masih pada peringkat fasa pengujian, aplikasi ini dibangunkan hanya bagi peranti mudah alih berasaskan sistem pengoperasian *Android* dan dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan *Java* dan *SQLite*. Hasil penyelidikan projek ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengkomputeran dan Informatik 2019 atau *International Conference on Computing and Informatics 2019 (ICOCI 2019)* yang berlangsung pada Mac 2019 bertempat di Universiti Dhurakij Pundit, Bangkok, Thailand. Hasil penyelidikan ini juga telah diterbitkan dalam *Jurnal Antarabangsa Inovasi Sistem Perusahaan (International Journal of Innovation in Enterprise System)* oleh Universitas Telkom, Indonesia. **dx**